

TANAH RUNTUH DI TAMAN BUKIT PERMAI 2, AMPANG



Sinar Harian 12/3/2022 (Page 9)

Dua kali dengar bunyi dentuman kuat

FOTO: BERNAMA



Lokasi kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 Ampang yang meragut empat nyawa selain merosakkan 15 rumah serta 10 kenderaan.



KEJADIAN TANAH RUNTUH DARI TAHUN 2021 HINGGA KINI:

4 Januari 2021

- Seorang pekerja kebun sayur warga Bangladesh tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Kilometer 92 Jalan Gua Musang-Lojing, Gua Musang, Kelantan.

11 Januari 2021

- Seramai 42 penduduk yang mendiami 12 rumah di Jalan Bukit Kempas 1/4, Taman Bukit Kempas, Johor Bahru diarah mengosongkan kediaman masing-masing selepas berlaku kejadian tanah runtuh di kawasan perumahan mereka.

18 Ogos 2021

- Runtuhan tanah pada lereng Gunung Jerai, Kedah dipercayai berlaku ekoran fenomena kepala air yang mengakibatkan banjir sehingga meragut enam nyawa.

17 September 2021

- Tiga rumah banglo dan 16 rumah bandar membabitkan 32 keluarga terjejas berikutan insiden tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights, Kuala Lumpur namun ia tidak mengakibatkan sebarang kemalangan jiwa.

2 Disember 2021

- Dua lelaki maut selepas kenderaan mereka tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di laluan FT 185, KM 27.10 Jalan Simpang Pulai-Blue Valley, Ipoh, Perak.

19 Disember 2021

- Seramai 284 penduduk kawasan Jalan Pelimbayan Indah, Kampung Sungai Penchala terjejas akibat kejadian tanah runtuh yang membabitkan 94 rumah dengan 24 daripadanya telah musnah sepenuhnya.

26 Disember 2021

- Kira-kira 128 penghuni asrama lelaki Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Gombak diarah mengosongkan premis itu selepas satu

Penduduk Taman Bukit Permai 2 kongsi detik cemas tanah runtuh

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

AMPANG

Penduduk di Taman Bukit Permai 2 di sini terkejut apabila mendengar dentuman kuat sebanyak dua kali sebelum berlaku kejadian tanah runtuh yang turut menyebabkan jiran mereka terperangkap pada petang Khamis.

Seorang penduduk, Manjeong Dias, 60, terdengar bunyi dentuman kuat sekitar jam 5.50 petang setelah pulang ke rumah-

ing seoran puting ke rumah
ya yang jaraknya hanya 200 me-
er dari lokasi kejadian.

Dia yang menetap di situ se-
jak 12 tahun lalu turut dikejutkan
dengan bunyi dentuman kuat kali
kedua lima minit kemudian se-
waktu hujan masih lebat.

“Ini kali pertama terjadi (ta-
nah runtuh), sangat teruk.

“Saya harap hari ini (Jumaat)
hujan tidak turun, kalau tidak
mungkin lebih teruk (tanah run-
tuh),” katanya ketika ditemui
pada Jumaat.

Seorang lagi penduduk, Ishak
Junos, 54, yang tinggal ber-
hampiran terkejut melihat ke-
jadian tanah runtuh berlaku di

depan matanya setelah
pulang dari kerja ber-
sama rakan.

Menurutnya, dia
juga turut dimaklum-
kan oleh penduduk
sekitar terdapat warga
emas terperangkap
dalam runtuhan ber-
kenaan.

“Penduduk sekitar
sini beritahu ada se-
orang pak cik masih dalam salah
sebuah rumah yang tertimbus,
tapi nak tolong macam mana?”
katanya yang sudah menetap di
situ selama 20 tahun.

Ujarnya, kejadian itu me-



ISHAK

nimbulkan tanda-tanya
kerana tiada sebarang
projek di kawasan ber-
kenaan.

Sementara itu, se-
orang penduduk, Lee
Wel Hua, 55, melihat
sendiri kereta dan ru-
mah tertimbus dalam
runtuhan yang berlaku
hanya 300 meter dari
rumahnya.

“Anak saya mengenali cucu
mangsa yang terperangkap da-
lam tanah runtuh terus meng-
hubungi saudara mangsa untuk
memaklumkan tentang kejadian
ini,” katanya.

'Beberapa saat sahaja lori sudah tertimbus'

AMPANG - “Kejadian berlaku
sangat pantas, beberapa saat sa-
haja saya lihat lori sudah tertim-
bus,” kata kakitangan
Pengurusan Air Selangor Sdn
Bhd (Air Selangor), Angeozeel
Andrew, 21, saksi kejadian tanah
runtu di Jalan Teratai, Bukit
Permai di sini pada Khamis.

Angeozeel berkata, ketika ke-
jadian dia bersama tiga rakan
termasuk seorang mangsa, A
Mahendran, 37, menaiki dua
buah lori ke lokasi tersebut untuk
kerja penyelenggaraan sekitar
jam 4.30 petang.

“Ketika mahu memulakan
kerja-kerja penyelenggaraan,
tiba-tiba hujan lebat dan kami
masuk ke dalam lori semula.

“Saya bersama se-
orang rakan masuk ke
sebuah lori di baha-
gian hadapan pada
jarak 10 meter dari
lori kedua yang di-
naiki dua lagi rakan
termasuk Mahendran.

“Ketika kami be-
rehat di dalam lori,
tiba-tiba saya men-
dengar dentuman kuat
seperti petir sebelum saya me-
noleh ke belakang dan melihat
lori mereka ditimbus tanah,”
katanya ketika ditemui di lokasi
kejadian pada Khamis.

Dia dan dua lagi rakan ke-
mudian berlari keluar dari
kenderaan tersebut untuk me-



ANGEOZEEL

nyelamatkan diri teta-
pi tidak melihat ke-
libat Mahendran.

“Kami kemudian
memanggil penghuni
berhampiran supaya
merek keluar dari
rumah masing-
masing untuk me-
nyelamatkan diri,”
katanya.

Angeozeel me-
ngenal Mahendran sejak mula
berkhidmat di Air Selangor dan
berasa terkilan dengan nasib
yang menimpa rakannya itu.

“Saya difahamkan dia sudah
bekerja di sini (Air Selangor)
kira-kira tiga tahun lalu dan dia
seorang yang pendiam,” ujarnya.

kejadian mendapan jalan serta tanah runtuh dikesan berhampiran
bangunan tersebut.

Bunyi siren kuat menyelamatkan penduduk

AMPANG - Bunyi siren yang
kuat memberi amaran kepada
komuniti penduduk setempat
bagi menyelamatkan diri ke
tempat yang lebih selamat
berjaya mengelakkan lebih
ramai mangsa dalam kejadian
tanah runtuh di Taman Bukit
Permai 2 di sini pada Khamis.

Menurut seorang pekerja
swasta dalam sektor perbankan,
Natasha Alya Saifudin, 26,
dia seperti tidak percaya ka-
wasan perumahan yang di-
diami selama 20 tahun itu buat
pertama kali terlibat dalam
kejadian tanah runtuh.

“Bunyi siren memang
kuat. Tiba-tiba, terdengar
dentuman dua kali runtuhan
tanah yang kuat semasa hujan
gerimis.

“Panik dan kelam kabut,
saya terus berlari keluar dari
rumah untuk tengok apa yang
berlaku rupanya tanah memang
sudah makin menurun,”
katanya ketika ditemui di lo-
kasi kejadian pada Jumaat.

Menceritakan kembali de-
tik cemas itu, Natasha Alya
yang ketika itu berada ber-
seorangan di rumah kerana
bekerja dari rumah (BDR)

terus menelefon bapanya yang
berkhidmat sebagai pemandu
kereta e-hailing untuk segera
pulang ke rumah.

Menurutnya, kejadian
yang berlaku sekelip mata
tanpa sebarang tanda sangat
mengejutkan penduduk se-
tempat kerana sebelum ini
kawasan perumahannya tidak
pernah terlibat dalam bencana
alam mahupun banjir.

Sementara itu, seorang
lagi penduduk, Tong Kwan
Chew, 53, berkata, dia hanya
menyadari kejadian selepas
mendengar bunyi siren yang
kuat daripada rumah putih
bernomor 50, bertentangan
dengan rumahnya.

“Saya memang sangat ter-
kejut sebab tidak pernah den-
gar bunyi (siren) macam itu
sebelum ini. Bila sudah ke-
luar, jalan raya depan rumah
memang sudah diselaputi
lumpur.

“Saya terus membawa is-
teri dan tiga orang anak ke
tempat yang selamat serta
mengubah kedudukan tiga ke-
reta di (kawasan taman ber-
sebelahan),” katanya.

Bernama